



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KOMPETENSI MURID PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN EMPAT DI DAERAH DALAT, SARAWAK

EDWARD BATIN ANAK WIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (PENDIDIKAN MORAL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kompetensi moral murid tingkatan empat di daerah Dalat, Sarawak untuk menangani isu tingkah laku moral. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk menjawab empat persoalan kajian dan empat hipotesis. Instrumen *Moral Competency Inventory (MCI)* yang diubahsuai telah digunakan untuk mengukur komponen Pengetahuan Moral, Pertimbangan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral. Seramai 199 orang murid iaitu 81 lelaki dan 118 perempuan dipilih secara rawak berlapis untuk dijadikan responden. Analisis statistik Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi moral dengan jantina dan aliran tingkatan. Hasil keputusan ANOVA sehala juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi moral dengan tahap pendidikan dan sektor pekerjaan ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, murid tingkatan empat daerah Dalat, mempunyai kompetensi moral yang tinggi dan aspek pengetahuan, penaakulan, perasaan dan perlakuan menyumbang kepada kompetensi moral. Implikasi kajian menunjukkan, kompetensi moral yang tinggi dijangka dapat membentuk tingkah laku moral murid sekolah menengah. Kajian yang lebih mendalam dan meluas perlu dilaksanakan untuk menilai kesan kompetensi moral terhadap amalan moral murid sekolah menengah.





KOMPETENSI MURID PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN EMPAT DI DAERAH DALAT, SARAWAK

ABSTRACT

The objective of this study is to examine the moral competence of form four students in the district of Dalat, Sarawak, to address the issue of moral behavior. This quantitative study uses a survey design to answer four research questions and four hypotheses. The Moral Competency Inventory (MCI) instrument has been used to measure the components of Moral Knowledge, Moral Reasoning, Moral Emotions and Moral Behavior. A total of 199 pupils, 81 males and 118 females were randomly selected to be respondents. Statistical analysis of t-test shows that there is no significant differences in moral competence by gender and stream. One-way ANOVA results also show that there is no significant differences in moral competence by level of education and parents employment. The findings show that form four students in district of Dalat, have high moral competence and knowledge, reasoning, emotions and behavior highly contribute to moral competence. The implications of this study show that high moral competence is expected to shape the moral behavior of secondary school students. A deeper and more extensive study needs to be done to assess the effect of moral competence on the moral practice of secondary school students.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.2.1 Kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia	7
1.3 Rasional Kajian Kompetensi Moral Murid Pendidikan Moral	14
1.4 Pernyataan Masalah	16
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Hipotesis Kajian	21
1.7 Kerangka Kajian	22
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.9 Skop dan Batasan Kajian	26
1.10 Definisi Istilah	





1.10.1	Kompetensi	29
1.10.2	Kompetensi Moral	31
1.10.3	Murid Pendidikan Moral	34
1.10.4	Daerah Dalat	35
1.11	Pembahagian Bab	35
1.12	Kesimpulan	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Pengertian dan Pengetahuan Moral	39
2.3	Penaakulan Moral	41
2.4	Perasaan Moral	48
2.5	Perlakuan Moral	52
2.6	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Moral	55
2.6.1	Dilema Moral	57
2.7	Teori Perkembangan Moral	58
2.7.1	Teori Kohlberg	59
2.8	Kajian Kompetensi Moral Murid	63
2.9	Kesimpulan	70

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Pemilihan Responden	76
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	80
3.5	Instrumen Kajian	82
3.5.1	Soal Selidik	83
3.6	Kajian Rintis	85
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	87
3.8	Tatacara Analisis Data	88
3.9	Kesimpulan	90



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	91
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	
4.2.1	Analisis Responden Berdasarkan Jantina	92
4.2.2	Analisis Responden Berdasarkan Kaum dan Agama	93
4.2.3	Analisis Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan Bapa	95
4.2.4	Analisis Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu	96
4.2.5	Analisis Responden Berdasarkan Pekerjaan Bapa	97
4.2.6	Analisis Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu	98
4.2.7	Analisis Responden Berdasarkan Sektor Pekerjaan Bapa	99
4.2.8	Analisis Responden Berdasarkan Sektor Pekerjaan Ibu	100
4.2.9	Analisis Responden Berdasarkan Aliran Tingkatan Empat	101
4.3	Analisis Deskriptif Kompetensi Murid Pendidikan Moral	
4.3.1	Analisis Tahap Pengetahuan Moral	102
4.3.2	Analisis Tahap Penaakulan Moral	109
4.3.3	Analisis Tahap Perasaan Moral	114
4.3.4	Analisis Tahap Perlakuan Moral	118
4.3.5	Pencapaian Tahap Kompetensi Moral	123
4.4	Analisis Inferens Ujian T	
4.4.1	Pencapaian Responden bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Jantina	124
4.4.2	Pencapaian Responden bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Jantina	128
4.4.3	Pencapaian Responden bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Jantina	133
4.4.4	Pencapaian Responden bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Jantina	137
4.4.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Jantina	141





4.5	Analisis Inferens Ujian ANOVA Terhadap Tahap Pendidikan Bapa	
4.5.1	Pencapaian Responden Bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Tahap Pendidikan Bapa	143
4.5.2	Pencapaian Responden Bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Tahap Pendidikan Bapa	145
4.5.3	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Tahap Pendidikan Bapa	147
4.5.4	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Tahap Pendidikan Bapa	149
4.5.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Tahap Pendidikan Bapa	151
4.6	Analisis Inferens Ujian ANOVA Terhadap Tahap Pendidikan Ibu	
4.6.1	Pencapaian Responden Bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Tahap Pendidikan Ibu	152
4.6.2	Pencapaian Responden Bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Tahap Pendidikan Ibu	155
4.6.3	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Tahap Pendidikan Ibu	157
4.6.4	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Tahap Pendidikan Ibu	159
4.6.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Tahap Pendidikan Ibu	161
4.7	Analisis Inferens Ujian ANOVA Terhadap Sektor Pekerjaan Bapa	
4.7.1	Pencapaian Responden Bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Bapa	162
4.7.2	Pencapaian Responden Bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Bapa	165
4.7.3	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Bapa	167
4.7.4	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Bapa	169





4.7.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Sektor Pekerjaan Bapa	171
4.8	Analisis Inferens Ujian ANOVA Terhadap Sektor Pekerjaan Ibu	
4.8.1	Pencapaian Responden Bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Ibu	172
4.8.2	Pencapaian Responden Bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Ibu	174
4.8.3	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Ibu	177
4.8.4	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Sektor Pekerjaan Ibu	179
4.8.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Sektor Pekerjaan Ibu	181
4.9	Analisis Inferens Ujian T Terhadap Aliran Persekolahan	
4.9.1	Pencapaian Responden Bagi Aspek Pengetahuan Moral mengikut Aliran Persekolahan Tingkatan Empat	182
4.9.2	Pencapaian Responden Bagi Aspek Penaakulan Moral mengikut Aliran Persekolahan Tingkatan Empat	185
4.9.3	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perasaan Moral mengikut Aliran Persekolahan Tingkatan Empat	187
4.9.4	Pencapaian Responden Bagi Aspek Perlakuan Moral mengikut Aliran Persekolahan Tingkatan Empat	190
4.9.5	Pencapaian Kompetensi Moral mengikut Aliran Persekolahan	192
4.10	Analisis Inferens Hubungan antara Pemboleh ubah Kajian	194
4.10.1	Analisis Hubungan Korelasi Kompetensi Pengetahuan Moral, Penaakulan Moral, Perasaan Moral dan Perlakuan Moral	195
4.11	Analisis Pengaruh di antara Pemboleh ubah Bebas terhadap Pemboleh ubah bersandar	197



4.12	Kesimpulan	199
------	------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	201
5.2	Perbincangan	202
5.2.1	Tahap Kompetensi Moral Murid	203
5.2.1.1	Pengetahuan Moral	203
5.2.1.2	Penaakulan Moral	206
5.2.1.3	Perasaan Moral	209
5.2.1.4	Perlakuan Moral	211
5.3	Analisis Deskriptif dan Inferens	213
5.3.1	Perbezaan Kompetensi Moral berdasarkan Jantina	214
5.3.2	Perbezaan Kompetensi Moral berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa	216
5.3.3	Perbezaan Kompetensi Moral berdasarkan Sektor Pekerjaan Ibu Bapa	220
5.3.4	Perbezaan Kompetensi Moral berdasarkan Aliran Persekolahan	224
5.4	Hubungan antara Kompetensi Pengetahuan Moral, Penaakulan Moral, Perasaan Moral dan Perlakuan Moral	226
5.5	Pengaruh Kompetensi Pengetahuan Moral, Penaakulan Moral, Perasaan Moral terhadap Perlakuan Moral	228
5.6	Implikasi Kajian	229
5.7	Cadangan dan Kajian Hadapan	233
5.8	Kesimpulan	236
5.9	Penutup	237
	RUJUKAN	239
	LAMPIRAN	250



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konsep Kompetensi Moral Murid Pendidikan Moral	23
2.1	Tahap Teori Perkembangan Moral Kohlberg	59
5.1	Kerangka dalam Pengajaran Nilai Moral	227





SENARAI SINGKATAN

FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPM	-	Jabatan Perangkaan Malaysia
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Packages for Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Kaji Selidik
- B Pengesahan Status Pelajar
- C Surat Kebenaran EPRD
- D Surat Pelantikan Pakar Kesahan Instrumen
- E Surat Kebenaran Mendapatkan Enrolmen Murid PPD Dalat, Sarawak





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kehidupan manusia sentiasa diselubungi dengan pelbagai permasalahan seperti kemiskinan, kebuluran, peperangan dan pelbagai masalah sosial yang lain terutamanya dalam kalangan golongan remaja. Hal tersebut dapat dibuktikan dengan paparan berita berkenaan murid-murid sekolah yang sering kali terjebak dengan masalah moral. Menurut Mukherjee (1983), masyarakat global pada pertengahan tahun 1970 mula bimbang terhadap masalah sosial yang kian meningkat seperti penagihan dadah, jenayah, rasuah, vandalisme dan pelbagai masalah lain yang mampu mengugat keharmoniaan negara. Oleh itu, mata pelajaran pendidikan sivik digubal bagi membentuk akhlak individu. Namun demikian, pelaksanaan mata pelajaran pendidikan sivik di sekolah kurang memuaskan dan digantikan dengan





mata pelajaran pendidikan moral yang bertujuan untuk membentuk individu yang berakhlak mulia.

Secara amnya, sistem pendidikan di Malaysia merupakan saluran penting dalam menghadapi pelbagai permasalahan moral murid. Malahan, pelaksanaan mata pelajaran pendidikan moral secara berkesan mampu untuk mewujudkan insan yang berakhlak mulia. Melalui matapelajaran pendidikan moral, penerapan nilai moral dilakukan dengan menekankan kepada tiga dimensi utama iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral bagi mewujudkan insan yang menyeluruh. Namun demikian, perkara sebaliknya turut berlaku dengan timbulnya permasalahan moral dalam kalangan murid seperti gengsterisme, vandalisme, membuli, ponteng sekolah dan permasalahan yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa penilaian dalam aspek kompetensi moral murid masih belum lagi dilakukan secara menyeluruh.

Walaupun murid memperoleh keputusan peperiksaan yang baik dalam mata pelajaran Pendidikan Moral namun bukan bermaksud murid dapat mengaplikasikan nilai moral yang dipelajari dalam kehidupan seharian.

Menurut Varghese dan Raj (2014), kompetensi moral adalah ukuran yang konsisten bagi perlakuan moral individu dan tindak balas terhadap situasi moral yang baik. Oleh itu, kompetensi moral murid wajar diukur dari aspek perlakuan moral dan bukannya dari aspek pengetahuan terhadap nilai yang dipelajari sahaja. Selain itu, Ibrahim (2014) turut menyatakan bahawa perlakuan moral dan pertimbangan moral wujud hasil daripada kecerdasan moral individu. Oleh itu, pertimbangan moral dan perlakuan moral juga merupakan aspek yang boleh menyumbang kepada kompetensi moral. Dalam kajian kompetensi moral, beberapa aspek moral seperti





pengetahuan moral, penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral diketengahkan dan diukur bagi mengetahui tahap kompetensi moral murid secara keseluruhan.

1.2 Latar Belakang

Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral). Bagi memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid maka murid diajar berdasarkan nilai-nilai moral yang termaktub dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral. Walaupun nilai-nilai murni yang dipelajari adalah sama di sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima namun skop dan penekanannya adalah berbeza bagi setiap tingkatan. Malahan, isu moral yang dibincangkan menjadi semakin kompleks mengikut kematangan dan keperluan murid. Di Malaysia, nilai-nilai moral yang diajar adalah berdasarkan kepada agama, tradisi dan adat resam kepelbagaian kaum. Melalui nilai yang dipelajari maka terdapat beberapa kemahiran tertentu yang boleh dikuasai seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial (Vishalache, 2012; Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral 2000). Kesemua kemahiran yang diperolehi melalui mata pelajaran Pendidikan Moral mampu membentuk benteng dalam diri murid untuk menghadapi tekanan dan cabaran dalam kehidupan.





Sebenarnya, nilai moral memainkan peranan utama dalam kehidupan manusia. Nilai dapat ditonjolkan dalam bentuk lisan dan perlakuan seseorang individu mahupun sesuatu kumpulan. Abdul Rahman(1999) menyatakan bahawa nilai mempunyai beberapa fungsi tertentu. Antara fungsi yang diketengahkan adalah nilai bertindak sebagai ukuran yang membantu individu mengenal pasti kedudukannya dan sebagai satu panduan untuk menyelesaikan konflik serta membuat sesuatu keputusan. Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum mempunyaipelbagai nilai yang berbeza daripada negara lain. Selain daripada undang-undang, kerumitan kebudayaan mempengaruhi nilai dalam Pendidikan Moral di Malaysia (Vishalache, 2012). Rentetan kepelbagaian budaya dan nilai dalam sesebuah masyarakat maka kefahaman nilai dalam kepelbagaian sesebuah masyarakat amat penting dalam menyatukan sesebuah masyarakat di samping mengekalkan kepercayaan mahupun agama sesebuah generasi.



Dalam bidang pendidikan, pengajaran nilai diberikan penekanan penting dalam semua mata pelajaran khususnya mata pelajaran Pendidikan Moral (Abd Rahim, 1993). Nilai diketengahkan dalam perspektif merentasi kurikulum dan merangkumi nilai-nilai alam sekitar, budaya, vokasional, ekonomi dan politik (Bigger, 1999). Justeru itu, institusi pendidikan khususnya sekolah memainkan peranan yang kondusif bagi mencorakkan perubahan sosial dalam masyarakat melalui nilai-nilai moral yang disemai menerusi pendidikan di sekolah. Oleh itu, nilai-nilai moral wajar dipelajari oleh semua murid bagi menunjukkan sikap toleransi, hormat, bertanggungjawab, adil, penyayang, sedia berkongsi, bekerjasama dan mempunyai komitmen. Malahan sistem pendidikan di sekolah memberi tumpuan sepenuhnya terhadap dasar pendidikan dalam melahirkan insan yang baik,





menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen seperti akhlak, moral dan nilai-nilai murni jelas termaktub dalam falsafah pendidikan kebangsaan seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012, hlm iii)



Bagi mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka Pendidikan Moral memainkan peranan yang utama dalam pembentukan watak seseorang individu agar murid dapat menjadi agen moral kepada masyarakat pada masa akan datang. Dalam membentuk insan yang berakhlak mulia maka murid diajar berkenaan nilai-nilai utama dalam kehidupan bermasyarakat melalui mata pelajaran Pendidikan Moral. Antara tumpuan dalam pengajaran Pendidikan Moral termasuk juga pemupukan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Selain itu, aspek moral yang dipelajari dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti agama persekutuan dan agama yang dianuti oleh individu yang berbeza, undang-undang, dan norma sesuatu masyarakat (Vishalache, 2012). Seseorang yang bermoral seperti yang ditakrifkan dalam Pendidikan Moral ialah seseorang yang mematuhi Rukun Negara, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan menyumbang kepada keharmoniaan dan kestabilan





negara serta masyarakat global (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Sekolah menengah, 2000).

Walaupun lebih 33 tahun Pendidikan Moral diperkenalkan di sekolah, pelbagai permasalahan masih lagi wujud dalam kalangan murid. Antara permasalahan yang hangat dibincangkan dalam kalangan ahli akademik mahupun pelbagai lapisan masyarakat adalah berkenaan masalah sosial yang kian meningkat dalam kalangan murid. Dalam membincangkan masalah sosial yang melibatkan murid sekolah maka pelbagai pihak mula mempersoalkan keberkesanan Pendidikan Moral di sekolah. Setiap kali wujudnya kes disiplin maka guru Pendidikan Moral bersedia untuk menjawab soalan berkenaan nilai-nilai yang sepatutnya menjadi amalan murid dan seterusnya mencari cara untuk meningkatkan perkembangan moral murid.



Berdasarkan keadaan tersebut, setiap pihak mula menunding jari antara satu sama lain. Melalui kajian di Amerika Syarikat yang dilakukan oleh Lickona (1991), sekolah tidak boleh menjadi pihak berkecuali semasa masyarakat sedang menghadapi masalah moral yang serius. Malahan, sekolah mesti membantu menyumbang terhadap perkembangan karakter golongan muda, dan kesihatan moral seluruh negara. Meneliti kepada permasalahan yang masih wujud walaupun pendedahan nilai diajar di peringkat sekolah. Perkara tersebut menunjukkan bahawa pemahaman nilai dan perlakuan moral murid boleh dipersoalkan. Oleh demikian, kajian berkenaan kompetensi moral murid dari pelbagai aspek wajar dipandang serius oleh semua lapisan masyarakat untuk menentukan tahap kompetensi yang ada dalam diri murid di sekolah menengah.





1.2.1 Kurikulum Pendidikan Moral Di Malaysia

Berdasarkan Laporan Kabinet 1979, Kementerian Pendidikan Malaysia mula memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Moral pada tahun 1983 melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Setelah pelaksanaan Pendidikan Moral selama lima tahun di sekolah rendah maka matapelajaran tersebut diteruskan lagi pada peringkat sekolah menengah pada tahun 1989 melalui Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Di Malaysia, Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh murid bukan beragama Islam sementara murid yang beragama Islam menghadiri kelas Pendidikan Islam (Akta Pendidikan, 1996). Justeru, murid bukan beragama Islam wajib mempelajari Pendidikan Moral dari darjah satu sehingga tamat tingkatan lima dan dinilai buat kali pertamanya semasa berada di



Sebelum pelaksanaan Pendidikan Moral di sekolah, Pendidikan Sivik memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak individu. Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang dijalankan pada tahun 1972 merupakan mata pelajaran wajib untuk murid darjah empat sehingga tingkatan tiga sementara kandungan yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dimasukkan dalam mata pelajaran kajian tempatan bagi murid darjah satu hingga darjah tiga. Sukatan mata pelajaran Pendidikan Sivik digubal berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia yang mempunyai matlamat untuk memupuk semangat patriotisme, sikap toleransi serta memahami dan menyelesaikan masalah sosial.





Walau bagaimanapun, semakan dasar pelajaran melalui Laporan Kabinet 1979 mendapati bahawa pelaksanaan Pendidikan Sivik di sekolah kurang memuaskan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia 1979, Pendidikan Sivik yang merupakan mata pelajaran bukan peperiksaan menyebabkan guru dan murid menganggap mata pelajaran tersebut tidak penting seterusnya tidak memberi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Menjelang bulan peperiksaan, masa yang diperuntukkan terhadap mata pelajaran Pendidikan Sivik digunakan untuk mengajar mata pelajaran lain (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Rentetan daripada permasalahan tersebut maka Kementerian Pelajaran Malaysia mencadangkan satu mata pelajaran lain yang boleh menggantikan mata pelajaran Pendidikan Sivik.



Dalam pertengahan tahun 1970, kebimbangan masyarakat global terhadap masalah sosial semakin meningkat seperti penagihan dadah, jenayah, rasuah, vandalisme, dan pelbagai masalah lain yang mampu mengugat keharmonian negara. Ekoran permasalahan tersebut maka wakil parlimen Malaysia menyuarakan keperluan untuk membentuk panduan moral dan menyeru agar pihak sekolah bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Oleh yang demikian, hasil yang diperolehi daripada perbincangan Jawatankuasa Kabinet menyeru kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membentuk satu jentera bagi membentuk kurikulum Pendidikan Moral dalam jangka masa 11 tahun pembelajaran daripada sekolah rendah hingga sekolah menengah (Vishalache, 2008).

Semenjak diperkenalkan pada tahun 1983, matlamat utama Pendidikan Moral di Malaysia adalah untuk membentuk individu yang berperibadi mulia melalui





pemupukan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, 1988). Secara ringkasnya, Pendidikan Moral memainkan peranan penting dalam memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan rakyat Malaysia yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkompetensi malahan memenuhi standard moral yang tinggi (Akta Pendidikan, 1996). Bagi memenuhi matlamat Pendidikan Kebangsaan dalam membentuk individu yang berperibadi mulia maka Pendidikan Moral menekankan kepada pembelajaran murid agar dapat memahami, mengetahui atau menaakul dan mempunyai emosi dalam mengambil sesuatu tindakan berasaskan kepada nilai-nilai murni (Chang, 2007).

Pada peringkat awal, Pendidikan Moral memberi fokus kepada 16 nilai utama sebagai kandungan utama sukatan Pendidikan Moral. Nilai tersebut merangkumi nilai baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat masyarakat. Daripada 16 nilai di atas, hanya 12 nilai sahaja diajar pada peringkat sekolah rendah kecuali nilai berdikari, keberanian, kerjasama dan rasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988). Menurut Vishalache (2008), walaupun nilai yang diajar adalah sama namun skop dan penekanannya adalah berbeza bagi setiap darjah dan tingkatan kerana isu yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam.

Selain 16 nilai teras yang dipelajari, terdapat juga 64 sub-nilai yang berlandaskan kepada kepelbagaian tradisi, budaya dan agama yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Dalam bidang pendidikan, ideologi kebangsaan yang dikenali





sebagai Rukun Negara menjadi satu dasar fundamental untuk dikecapi termasuk juga dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Rukun Negara merupakan ikrar rakyat Malaysia untuk dilaksanakan melalui lima prinsip utama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Oleh demikian, Rukun Negara termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan dan setiap mata pelajaran adalah berlandaskan prinsip tersebut. Menurut Mahdi Shuid et al. (2010) perisytiharan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 adalah untuk mendukung cita-cita berikut:

- i. Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya.
- ii. Memelihara cara hidup demokratik
- iii. Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama
- iv. Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak
- v. Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi yang moden.

Melalui cita-cita yang ingin dikecapi di atas, empat daripada lima cita-cita tersebut adalah berkaitan dengan pembelajaran moral. Dengan memupuk nilai-nilai murni yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral maka perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dicapai malahan tindakan yang dilakukan dengan membuat pertimbangan moral terlebih dahulu dapat menjamin keamanan dan kemakmuran negara. Oleh itu, kajian yang dilakukan adalah amat relevan bagi mengkaji kompetensi murid Pendidikan Moral tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Dalat.





Sama seperti mata pelajaran lain, penilaian pusat dalam mata pelajaran Pendidikan Moral pertama kali dilaksanakan pada tahun 1993. Selepas beberapa tahun, kertas Pendidikan Moral menerima pelbagai kritikan daripada pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru dan murid sendiri. Isunya ialah adakah dengan hanya mendapat gred A dalam peperiksaan Pengetahuan Moral, seorang murid boleh dianggap sebagai bermoral. Sebaliknya, adakah seorang murid yang mendapat gred F dianggap sebagai seorang yang tidak bermoral? Isu-isu ini telah dikaji dengan kritikal dan mendalam sebelum sukatan semakan diterbitkan pada tahun 2000 (Vishalache, 2008).

Kritikan yang diterima daripada pelbagai pihak dikaji semula dan pada tahun 2000 sukatan pelajaran Pendidikan Moral merupakan kali pertama digubal dan disusun semula dengan bermatlamat untuk membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Kini, program Pendidikan Moral di Malaysia telah melalui satu transformasi yang besar walaupun akar umbinya masih berteraskan kepada Laporan Kabinet 1979. Kandungan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral masih memfokuskan kepada pembelajaran nilai walaupun terdapat perubahan seperti pembahagian nilai kepada tujuh bidang pembelajaran iaitu nilai berkaitan dengan perkembangan diri, kekeluargaan, alam sekitar, patriotisme, hak asasi manusia, demokrasi, dan keamanan dan keharmoniaan (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, 2000).

Bagi merealisasikan semangat dan hasrat yang terkandung dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka beberapa prinsip





utama telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial. Prinsip-prinsip tersebut adalah:

- i. Bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain;
- ii. Berpegang teguh pada ajaran agama;
- iii. Prihatin kepada alam sekitar;
- iv. Mengekalkan keamanan dan keharmoniaan hidup;
- v. Bersemangat patriotik; dan
- vi. Menghormati hak asasi manusia
- vii. Mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)

Prinsip yang diberikan di atas merangkumi skop yang lebih luas malahan unsur baru seperti agama, alam sekitar dan semangat patriotik turut diperkenalkan dengan lebih jelas dalam bidang pembelajaran Pendidikan Moral. Selain itu, takrifan Pendidikan Moral turut diperluaskan yang membawa makna satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000). Dengan adanya kerangka konsep Pendidikan Moral di Malaysia yang memfokuskan kepada tiga dimensi maka penyelidikan berkenaan kompetensi moral murid Pendidikan Moral wajar dilakukan bagi menilai kebolehan murid menggunakan ketiga dimensi dalam membuat keputusan dan tindakan moral.

Menurut Abdul Rahmandan Chang (1994), penaaakuan moral merujuk kepada proses seseorang individu memperkembangkan kebolehan membuat pertimbangan atau keputusan moral yang matang dan tersendiri tanpa dipengaruhi oleh perasaan dan pandangan orang lain dalam sesuatu situasi moral. Selain mempunyai kemahiran

